

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN MANIVANAN GOWINDASAMY**  
**KAWASAN : KAPAR**  
**TARIKH : 9 JUN 2015, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN MANIVANAN GOWINDASAMY (KAPAR)** minta  
**MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- (a) apakah Kerajaan Persekutuan dan kementerian tidak berhasrat untuk menyokong permohonan tanah bagi pembinaan kuil di atas Lot 5151, Jalan Tambahan, Seksyen 7, JKR Kuarters, Pekan Meru, Mukim Kapar, Selangor setelah mengetahui bahawa kewujudan kuil tersebut hampir 110 tahun dan kuil tersebut telah didaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan pada 2 Mei 1978; dan
- (b) apakah rasional Kerajaan Persekutuan dan Kementerian untuk menolak sesuatu permohonan pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam seperti kuil dengan hanya memberi alasan bahawa kawasan tersebut akan digunakan sebagai tempat simpanan barangan dan 'stockyard'.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah di Lot 5151, Pekan Meru, Mukim Kapar, Klang itu adalah tanah di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya. Tujuan asal kegunaan tanah tersebut ialah sebagai kuarters untuk kakitangan JKR Daerah Klang. Walau bagaimanapun pada masa kini ia digunakan sebagai pejabat dan tempat simpanan barangan pentadbiran JKR Daerah Klang. Di samping itu pada masa kini terdapat sebuah rumah ibadat atau kuil Hindu, iaitu Kuil Sri Maha Mariamman yang telah didirikan di atas sebahagian lot tanah tersebut.

Setakat ini kementerian ini tidak berhasrat untuk mengubah status kegunaan lot tanah tersebut. Ini selaras dengan kandungan Warta Kerajaan bilangan 3165 Tahun 1914 yang menetapkan lot tanah tersebut sebagai ‘...to be a reserve for the purpose of Government Building-to wit, Cooly Lines, to be maintained by the officer for the time being holding the appointment of State Engineer, Selangor’. Mengenai status kuil di lot tersebut, kementerian ini dimaklumkan bahawa Pentadbir Tanah Klang pada 13 Jun 2013 yang lalu telah mengeluarkan Notis Pendudukan Tak Sah di Tanah Kerajaan di bawah Seksyen 425 dan 426(1)(C), Kanun Tanah Negara 1965 kepada pentadbir kuil berkenaan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang pembinaan struktur yang tidak sah di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan adalah dianggap sebagai tindakan pencerobohan. Oleh itu sebarang

bentuk pencerobohan akan dilaporkan kepada pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan untuk tindakan mengikut Seksyen 425 dan 426(1)(C) Kanun Tanah Negara 1965. Kementerian ini berpandangan isu kuil tersebut perlu dibawa untuk perbincangan dengan Kerajaan Negeri Selangor menerusi Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Selangor, termasuk cadangan untuk menggantikan tapak kuil baharu yang lebih sesuai.

Sekian. Terima kasih.